

27 FEB 1998

Pokok

LEBIH 9,000 POKOK DITAHAN DI IPOH TAHUN LEPAS

IPOH, 27 Feb (Bernama) -- Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) menanam sejumlah 9,321 batang pokok sepanjang tahun lepas, lebih 3,000 batang daripada sasaran yang ditetapkan, kata Datuk Bandar, Datuk Haji Talaat Husain.

Menurutnya, 6,000 batang pokok lagi akan ditanam sepanjang tahun ini termasuk 300 pokok yang akan ditanam di sepanjang Sungai Pinji pada 3 Mac ini sempena memperingati pelancaran kempen menanam pokok serentak di seluruh negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mac tahun lepas.

Kempen itu akan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak yang akan turut menjalankan kempen "Cintai sungai kita", katanya selepas mempengerusikan mesyuarat penuh MBI hari ini.

Talaat berkata, sepanjang bulan Januari sahaja, MBI menanam 240 batang pokok peneduh sebagai komitmen majlis itu kepada aktiviti penghijauan kawasan bandaraya.

Beliau juga berkata, MBI akan membina pusat penjaja di Jalan Hospital berhadapan Rumah Pangsa Ashby, dan di Taman Perpaduan, membabitkan 40 unit gerai.

Gerai-gerai berkenaan akan dibina sebaik sahaja majlis menerima peruntukan berjumlah RM600,000 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan RM100,000 daripada Kerajaan Negeri, kata beliau.

Menurutnya, majlis juga akan menjalankan beberapa siri gotong-royong membabitkan wargakota sendiri pada setiap minggu, sebagai aktiviti gerakan kesedaran kebersihan dan keindahan peringkat majlis berkenaan.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Talaat berkata, MBI telah menangguhkan sementara projek menaikkan taraf Jalan Slibin-Jelapang kepada dua lorong kerana menghadapi masalah peruntukan.

Menurutnya, walaupun projek itu ditangguhkan, pengusaha gerai makanan di situ yang sudah menerima notis berpindah kira-kira setahun lepas, perlu mencari kawasan perniagaan baru atau berpindah ke pusat-pusat penjaja milik majlis atau swasta. -- BERNAMA

LAT NMO